

# Bersedia hadapi perubahan pantas pasca COVID-19

COVID-19 banyak merubah dinamika dunia sehingga menjadi semakin kompleks. Ia menyebabkan pergerakan globalisasi semakin pantas sehingga slogan dunia di hujung jari benar-benar berlaku. Bayangkan dalam keadaan pandemik menyebabkan pergerakan semakin terbatas, segala yang membabitkan komunikasi dan urusan alam maya semakin rancak.

Antaranya, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sekolah serta universiti dilakukan dalam talian, manakala pemimpin negara menjalankan komunikasi serta perbincangan polisi dengan rakan sejawatan dari negara luar hanya melalui Skype atau Zoom.

Perniagaan dalam talian pula meningkat naik, program seperti seminar dan persidangan merentas negara semakin banyak dijalankan tanpa perlu lagi secara bersemuka yang selama ini menanggung lebih banyak kos teknikal.

Semua hal itu memberi petanda besar. Barangkali pada 2021, andai kata COVID-19 semakin menurun sekalipun, sudah tentu semua orang mula selesa dengan perkembangan sebegini disebarkan ketercapaian yang mudah, men-

jimatkan kos dan masa serta lebih fleksibel dan efektif.

Dengan ramalan itu, kita boleh mengandaikan gaya hidup manusia semakin berubah kepada suatu peringkat kefahaman dan falsafah kehidupan berbeza.

Akses kepada teknologi digital dengan hubungan peribadi semakin mengurangkan interaksi fizikal menyebabkan manusia mula melihat dunia maya sebagai realiti hidup kedua selepas realiti fizikal yang mereka hadapi hari ini. Ia bermakna banyak perkara berkaitan cara fikir manusia sendiri akan berubah.

Dengan memahami perubahan semakin berkembang itu, sebenarnya semua pihak harus mula memikir dan membincangkan wacana pasca COVID-19 dengan lebih banyak. Daripada penggubal polisi negara, ahli akademik dan ahli falsafah harus mula aktif mewujudkan perbincangan ini dengan lebih kritis.

Jika tidak, kita akan ketinggalan kerana pemikir negara luar sudah mula membawa perbincangan ini dengan lebih serius. Daripada persoalan membabitkan material seperti politik, ekonomi, teknologi dan sains hingga kepada falsafah umpamanya etika, moral,

ontologi serta agama yang perlu dibincangkan secara mendalam untuk beradaptasi dengan realiti baharu semakin mencabar.

Cabaran ini sekiranya tidak dianalisis lebih awal dan dipersiapkan segala kefahaman ilmu untuk berhadapan dengannya, kelak negara (bahkan dunia) berhadapan pelbagai masalah membabitkan pengurusan hal ehwal kenegaraan dan pengawalan tabiat manusia.

Jadi, pemimpin bukan sekadar perlu memikirkan polisi terbaik menguruskan negara secara teratur, malah perlu memahami dinamik perubahan akan turut mempengaruhi cara berfikir yang turut memberi kesan terhadap tabiat mereka.

Ramai orang mungkin menganggap sikap manusia akan kekal sama kerana berpegang kepada tesis Francis Fukuyama dalam buku *The End of History and The Last Man* yang mempercayai liberal demokrasi akan menandai kepada pengakhiran sistem politik dunia yang dianggap sudah sempurna dan perilaku manusia yang mencapai tahap kesempurnaan serta penghujungnya.

Namun, COVID-19 secara tidak langsung membawa hujah balas yang me-

lumpuhkan argumentasi Fukuyama itu. Ringkasnya, pandemik itu menyebabkan sistem kenegaraan akan bertumpu kepada aspek teknologi digital ini sahaja sehingga sistem politik liberal demokrasi semakin tidak relevan sebagai sistem urus tadbir negara yang baik. Perilaku manusia itu sendiri akan mula berubah kepada gaya hidup bertumpu realiti baharu lebih bersifat maya.

Justeru, semua pihak terutama penggubal dasar dan ahli akademik perlu menyedari COVID-19 akan menyebabkan pergerakan globalisasi dunia semakin cepat. Kecepatan dinamik globalisasi akan mengubah banyak perkara.

Wacana ilmu harus lebih diperbanyak agar segala permasalahan masa hadapan dapat diramal lebih cepat dan disediakan penawarnya dengan lebih tepat. Jika terlambat dalam perbincangan ini, kita berhadapan masalah baharu dunia yang lebih besar dan rumit daripada apa dihadapi pada hari ini.

A Muziru Idham

Universiti Kebangsaan Malaysia